

# Pasaran rumah sewa cecah paras tertinggi lima tahun

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pasaran rumah sewa Malaysia mencecah paras tertinggi lima tahun pada suku keempat 2024, meningkat 3.9 peratus tahun ke tahun kepada purata RM2,052, menurut laporan Indeks Sewa Rumah IQI Malaysia terkini yang diterbitkan oleh IQI.

Pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan Juwai IQI, Kashif Ansar berkata, pertumbuhan kekal stabil dan bukannya melampau.

Katanya, di negeri tertentu, sewa Kuala Lumpur stabil pada RM2,847 selepas tempoh yang tidak menentu, manaka-

la sewa Selangor menunjukkan pemulihan sederhana.

Menurutnya, hakikat bahawa sewa semakin stabil dan bukannya melonjak sepatutnya menjadi berita baik untuk penyewa yang bimbang tentang kos sara hidup.

“Indeks Sewa Rumah Malaysia pada suku keempat 2024 mencapai tahap tertinggi sejak suku pertama 2020, apabila sewa menurun akibat pandemik Covid-19.

“Hari ini, sewa pajakan baharu adalah 24 peratus lebih tinggi daripada paras terendah 2020, tetapi penyewa masih membayar RM442 kurang sebulan berbanding pada 2019, secara purata.

“Berbanding dengan suku ketiga 2024, sewa meningkat 2.8 peratus pada suku keempat dan 3.9 peratus lebih tinggi daripada pada akhir 2023,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kenaikan yang stabil ini berikutan suku ketiga mendatar, menunjukkan bahawa sewa kembali ke tahap sebelum Covid-19.

Jelasnya, trend ini kekal sihat tetapi tidak terlalu panas jika dibandingkan dengan pertumbuhan pesat pada 2022 dan 2023 iaitu kadar sewa meningkat masing-masing sebanyak 13.1 peratus dan 5.5 peratus pada tahun-tahun tersebut.

“Ramalan 2025 kami memerlukan pertumbuhan sederhana,

tidak bukan satu lagi ledakan atau kejatuhan. Syukurlah, kadar sewa telah stabil.

“Kami menjangkakan untuk mengelak kembali kepada turun naik melampau yang dilihat pada 2020 dan 2021, apabila turun naik sebanyak 26 peratus tahun ke tahun,” ujarnya.

Indeks Sewa Rumah Malaysia oleh IQI menganalisis hampir 100,000 urusan niaga penyewaan kediaman sejak 2018.

Ia merupakan satu-satunya ukuran komprehensif bagi arah aliran sewaan jangka panjang di negara ini dan memberikan pandangan tentang pajakan baharu yang ditandatangani setiap suku tahun.

